KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	10/8/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	PERHILITAN			

Pekebun 'putih mata' angkara gajah liar

UM, 10 Ogos 2021_25

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Lebih 100 pekebun di Jalan Subong di sini resah selepas kebun getah dan buah-buahan mereka diceroboh dua ekor gajah liar sejak empat hari lalu.

Mereka juga terpaksa berputih mata apabila kira-kira 500 pokok buah-buahan seperti pisang, kelapa dimusnahkan haiwan terbabit sekelip mata.

Seorang pekebun, **Mokhtar Osman**, 42, berkata, dia yang ingin mengambil getah sekerap menggigil ketakutan ketika melihat kelibat dua ekor gajah yang berada dalam kebun getahnya.

Katanya, dalam kejadian pukul 7.30 pagi itu, gajah-gajah tersebut sedang memusnahkan pokok pisang sambil mengeluarkan bunyi yang kuat.

"Saya terus melarikan diri sebelum memberitahu pekebun lain. Ketika ini, semua orang takut untuk ke kebun bagi mengambil hasil tanaman atau menoreh getah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Seorang lagi pekebun, **Abdullah Abdul Ghafar**, 60, berkata, serangan gajah itu berlaku sejak April lalu dan ini adalah kali ketiga mereka membuat onar.

Katanya, sebelum ini pada awal April dan akhir Mei lalu, gajah liar turut mengamuk sehingga memusnahkan ratusan pokok pisang dan memijak dua ekor lembu penduduk hingga mati.

"Kita bersyukur gajah itu sudah ditangkap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan dipindahkan ke Taman Negara.

"Bagaimanapun kali ini, kita harap Perhilitan mengambil tindakan serupa dengan segera menangkap dua ekor gajah liar itu kerana bimbang boleh mengancam keselamatan pekebun," katanya.



PEKEBUN melihat pokok pisang yang dimusnahkan gajah liar di di Jalan Subong, Gua Musang, Kelantan semalam. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH